

70 buah rumah sekitar Butterworth dinaiki air

BUTTERWORTH - Lebih 70 buah rumah di sekitar daerah ini dilanda banjir kilat selepas hujan lebih tiga jam awal pagi semalam.

Kawasan yang terjejas ialah Kampung Sungai Lokan, Kampung Tok Bani, Kampung Manggis, Kampung Perlis, Jalan Assumption, Bagan Dalam dan Taman Limbungan.

Menurut kenyataan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri Pulau Pinang, hujan lebat bermula pukul 3 pagi hingga 6.30 pagi itu turut menyebabkan Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil (T) Mak Mandin dan beberapa buah kilang di Jalan Perusahaan Mak Mandin 5 dinaiki air.

Paras air naik antara 0.3 meter (m) hingga 0.6m, namun tiada penduduk dipindahkan selepas air surut kira-kira tiga jam kemudian.

"Kawasan paling terjejas ialah Kampung Perlis dan Jalan Assumption apabila lebih 50 rumah penduduk di situ dinaiki air akibat banjir kilat. Pihak jawatankuasa sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa," menurut sekretariat berkenaan.

Sementara itu, seorang mangsa banjir di Kampung

Perlis, Abdul Razak Ibrahim, 39, berkata beliau hanya menyedari rumahnya dinaiki air selepas jiran menelefon memberitahu kawasan kampung mereka dilanda banjir kilat.

"Masa tu pukul 5 pagi dan saya terus bangun dan kejutkan isteri serta anak-anak. Kami sempat alihkan beberapa barangan elektrik ke tempat lebih tinggi supaya tidak rosak," katanya ketika ditemui di rumahnya.

Katanya ini kali ketiga banjir kilat melanda rumah mereka dalam bulan ini dan beliau berharap pihak berkuasa terutama kerajaan negeri dapat mengambil tindakan segera bagi mengatasinya.

Jirannya, Noorzalinalah Mohd. Jamal, 51, mendakwa banjir kilat itu berlaku berikutan keadaan longkang dan parit utama di kawasan itu sempit sehingga air hujan tersekat dan masuk ke dalam rumah penduduk.

"Ini bukan masalah baharu, ia berlaku sejak beberapa tahun lepas, malah jika hujan lebat lebih sejam, rumah penduduk di sini akan dinaiki air. Kami sudah letih membasuh dan mengemas rumah akibat banjir kilat," katanya.

- Bernama